

Arahan:

1. Setiap kumpulan diminta mencabut satu soalan berkaitan tajuk memuliakan tetamu.
2. Setiap ahli dalam kumpulan perlu berbincang bagaimana untuk melakonkan watak berdasarkan soalan yang diterima supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.
3. Murid lain memerhati dan mencatat watak yang dilakonkan.
4. Setiap kumpulan selesai melakonkan watak mengikut tajuk.
5. Isi penting dari lakonan dicatat menggunakan peta i-think.

Contoh soalan:

1. Anda dikehendaki melakonkan watak rakan-rakan menziarahi anda ketika sakit di rumah.
2. Anda dikehendaki melakonkan watak guru-guru datang menziarahi anda kerana lama tidak hadir ke sekolah.
3. Anda dikehendaki melakonkan watak tetamu tidak dikenali datang ke rumah sewaktu ketiadaan ibu bapa di rumah.
4. Anda dikehendaki melakonkan watak jiran-jiran ibu anda datang ke rumah di waktu petang untuk menceritakan kisah Si A dan Si B.